

# IPMB manfaatkan ilmu kepada masyarakat

UM 26.2.2014 26

KOTA KINABALU 25 Feb. - Hasil penyelidikan mengenai sesuatu produk akan menjadi lebih berguna apabila ilmunya dikongsi dan dimanfaatkan bersama dengan kumpulan sasar.

Dalam perkara ini, Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui aktiviti Projek Penambahbaikan Stok Udang Galah dan Kempen Kesedaran Sungai Petagas, baru-baru ini menganjurkan lawatan pimpinan kampung itu ke institut berkenaan.

Rombongan melibatkan 30 penduduk kampung yang turut dibawa melawat Akuarium dan Muzium Marin UMS disambut oleh Pengarah IPMB universiti berkenaan, Prof. Dr. Saleem Mustafa

Beliau dalam dalam ucapan aluananya berkata, objektif utama penganjuran lawatan itu adalah sebagai salah satu usaha IPMB untuk berkongsi ilmu sambil memberi peluang kepada penduduk kampung untuk melihat secara lebih dekat teknik pengurusan dan penterapan udang serta ikan di UMS.

"Platform ini juga sebagai usaha untuk memasyarakatkan ilmu selaras dengan saranan kerajaan kepada institusi pengajian tinggi untuk menggiatkan program pemindahan ilmu bersama komuniti," katanya.

Tambah Saleem, beliau berharap agar projek komuniti yang dijalankan dengan kerjasama Pejabat Daerah Putatan dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi penduduk kampung selain menambah kesedaran mengenai kepentingan memelihara kebersihan sungai.

Sementara itu, Ann ketika menyampaikan taklimatnya berkata, sebanyak 18,000 bibit udang telah dilepaskan ke Sungai Petagas sejak projek komuniti itu bermula pada April tahun lalu.